

Sesak nafas paling tinggi dihadapi

UM 26/1

Oleh ROHANI IBRAHIM

JOHOR BAHRU 25 Jan.- Masalah pernafasan terutamanya sesak nafas merupakan masalah kesihatan yang paling tinggi dihadapi oleh mangsa banjir diikuti dengan penyakit kulit, demam, gastrik dan sakit mata.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, sejumlah 5,380 masalah pernafasan dilaporkan berlaku di kalangan mangsa-mangsa banjir dan diikuti dengan masalah sakit kulit (3,581 orang), demam (2,163), sakit perut (1,562) dan sakit mata 361.

"Bagi penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan darah tinggi pula

sejumlah 21,822 kes dilaporkan setakat ini.

"Selain pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan Johor, bantuan daripada pegawai dan kakitangan dari Perak dan Kedah juga turut diambil bagi meningkatkan pemantauan kesihatan di kalangan mangsa-mangsa banjir terbabit.

"Antara langkah-langkah pencegahan yang diambil untuk mengelak jangkitan penyakit di kalangan mangsa banjir ialah memberikan suntikan kepada petugas-petugas," katanya.

Abdul Ghani berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan, di sini semalam.

Jelasnya, secara keseluruhan penguru-

san banjir negeri Johor adalah memuaskan kerana tidak ada kematian yang disebabkan kelewatan usaha menyelamatkan dilaporkan.

"Kesemua 15 kematian yang berlaku dalam gelombang pertama banjir adalah kerana penyakit ataupun kemalangan sahaja," katanya.

Sehingga semalam, daerah Batu Pahat masih mencatatkan jumlah mangsa banjir yang tinggi iaitu sebanyak 51,210 orang membabitkan 12,128 keluarga yang ditempatkan di 109 pusat pemindahan sementara.

Tambah Abdul Ghani, sejumlah lima buah pam disediakan untuk mengepam air di Batu Pahat dan antara kawasan itu ialah Semerah dan Peserai.